



27 Jun 2011
27 June 2011
P.U. (B) 341

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu penyasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing fraud serius, separa dicuba dan separa dilakukan, dengan kaedah dokumen yang dipalsukan menurut §§ 146 (fraud), 147 (fraud serius), Perenggan 1, Butiran (1) dan (2) Kanun Jenayah Liechtenstein dan pengubahan wang haram menurut § 165, Perenggan 1 hingga 3 Kanun Jenayah Liechtenstein telah dimulakan di Liechtenstein, suatu Negara asing;
- (b) Mahkamah Keadilan Wilayah Liechtenstein melalui Kementerian Keadilan Wilayah Liechtenstein telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Liechtenstein; dan
- (d) Peguam Negara Malaysia telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Liechtenstein berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002